**“EKSTREMISME AGAMA ANCAM KESATUAN UMMAH”**
(06 Oktober 2017 / 15 Muharam 1439)

---

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِمْتِنَانِ، يَمُنُّ عَلَى مَنْ يَشَآءِ بِهِدَايِتِهِ لِلْإِيمَانِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَّآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ شَهَادَةً تُوْجِبُ لِمَنْ قَالَهَا عَارِفًا لِمَعْنَاهَا عَامِلاً بِمُقْتَضَاهَا دُخُولُ الجِنَانِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ أُنْزِلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالفُرْقَانِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ، وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ اتَّقُوا اللهَ أُوْصِيكُمْ وَإِيايَ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ. قَالَ اللهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيْزِ:

﴿يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَآ إِلَى ٱلْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ ٱلْأَعَزُّ مِنْهَا ٱلْأَذَلَّ ۚ وَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِۦ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَٰكِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ﴾ سورة المنافقون: ٨

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada di dalam rahmat serta mendapat perlindungan Allah SWT demi mencari keredhaan-Nya di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: ***“Ekstremisme Agama Ancam Kesatuan Ummah”***.

**SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Dekad ini menyaksikan betapa umat dan negara Islam sering berdepan cabaran yang amat getir. Dahulunya ada yang menjadi peneraju kepada kebangkitan tamadun manusia, namun kini ia mula musnah satu persatu disebabkan pelbagai faktor sama ada yang bersifat luaran mahupun dalaman. Lebih malang, sejarah dan harapan masa hadapan mereka turut dilenyapkan dari lipatan sejarah.

Bumi Syria umpamanya satu ketika dahulu ialah sebuah bumi yang permai dan menjadi tumpuan umat Islam yang dahagakan ilmu. Kini apa yang tinggal adalah sisa-sisa runtuhan bangunan dan rakyatnya hidup sebagai pelarian. Begitu juga keadaan umat Islam di Palestin, Afghanistan, Myanmar dan beberapa tempat lagi yang mengalami nasib yang serupa.

Persoalannya, apakah penyebab kehinaan seumpama ini terjadi kepada kita umat Islam? Bukankah Allah SWT telah menjanjikan kemuliaan terhadap orang yang beriman sepertimana ayat 8 Surah al Munafiqun yang khatib bacakan sebentar tadi yang mafhumnya:

"*Mereka berkata lagi; Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang-orang yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang yang hina lagi lemah (pihak Islam).* ***Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi RasulNya serta bagi orang-orang yang beriman****; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).*"

Benarlah firman Allah SWT bahawa kemuliaan itu cabang daripada keimanan bagi orang beriman sekalipun di saat-saat genting. Sebaliknya bagi golongan munafik dan tidak beriman, mereka tidak pernah menikmati kemuliaan tersebut kerana dihijab oleh Allah SWT untuk merasainya.

**SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Islam adalah anugerah Allah SWT yang sangat agung kepada umat manusia. Dengannya kita dapat menikmati kemuliaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat jika segala ajarannya diamalkan dengan ikhlas dan betul. Namun, jika

hati telah dijangkiti virus ekstremisme, maka hilang kebahagiaan bahkan ada yang cuba menyeret orang lain ke jurang kesesatan.

Dalam konteks ini, khatib berpendapat sekurang-kurangnya **tiga pengajaran** utama yang perlu sama-sama kita renungi dan fikirkan berkaitan isu ekstremisme agama dan krisis umat Islam pada hari ini. **Pengajaran pertama** ialah ekstremisme tidak boleh ditangani dengan ekstremisme.

Krisis di timur tengah umpamanya bukan tercetus semata-mata disebabkan pertembungan mazhab atau sikap ekstrem umat Islam. Tetapi ia adalah gabungan beberapa faktor ditambah dengan percaturan kuasa-kuasa besar yang mempunyai pelbagai agenda dan kepentingan.

Dalam hal ini, kita perlu menyedari betapa kompleksnya cabaran ini malah respon dalam bentuk keganasan yang serupa tidak akan mampu menyelesaikan masalah bahkan mendatangkan kemusnahan yang lebih besar. Justeru, keberanian melulu sesetengah umat Islam yang menyertai golongan militan, bukanlah perlambangan sebenar Islam yang mementingkan aspek kebijaksanaan dalam bertindak.

**SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

**Pengajaran yang kedua** ialah terhijabnya doa umat Islam. Kita lihat, setiap kali peristiwa keganasan tercetus di merata tempat khususnya yang membabitkan umat Islam, maka bersegeralah umat Islam termasuk di Malaysia ini melakukan sama ada solat hajat, qunut nazilah dan sebagainya bagi memohon pertolongan Allah SWT.

Namun, pernahkah kita cuba menginsafi bahawa barangkali doa kita belum dimakbulkan lagi sehingga ke hari ini adalah disebabkan diri kita sendiri. Al Imam Ghazali di dalam kitab *Ihya Ulumiddin* pada bab Amar Ma'ruf Nahi Mungkar menyebut hadith Nabi SAW yang mafhumnya:

*"Kamu sepatutnya menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran, atau (jika tidak) Tuhan akan menggantikan untuk kamu pemimpin yang zalim yang tidak akan menunjukkan belas kasihan terhadap golongan tua dan juga muda di*

*kalangan kamu. Kelak golongan agama di kalangan kamu akan mendoakan pertolongan Allah dan ia tidak akan didengar. Mereka meminta pertolongan dan bantuan, tetapi tidak akan dibantu, mereka akan meminta pengampunan tetapi tidak akan diampunkan*."

Hari ini ada yang berpandangan bahawa amalan Amar Maruf ini sudah tidak penting lagi. Bahkan ada yang berani mengharuskan perkara yang mungkar atas dasar hak kebebasan. Contohnya seperti perlakuan khalwat, hubungan sejenis, hubungan seks luar nikah dan sebagainya yang jelas dilarang di dalam Islam.

Kini, kita perlu kembali kepada mesej Islam yang sebenar iaitu Islam membawa rahmat kepada seluruh manusia dan alam. Rahmat yang diasaskan oleh kefahaman Syariah yang betul sehingga membentuk satu kerangka pemikiran dan akhlak Islam yang tinggi. Pemahaman ini juga hendaklah mengambil kira kepelbagaian konteks sosio-sejarah berlandas maqasid syariah, insya Allah boleh menatijahkan kebaikan yang sebenar.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN**

**Pengajaran ketiga** yang harus kita fikirkan ialah umat Islam sudah kehilangan sebab yang menjadi faktor ketinggian tamadun Islam terdahulu. Perkara inilah yang ditekankan oleh Shakib Arslan di dalam bukunya ***Limaza Taakkhara al Muslimun wa Taqaddama Ghairuhum*** (Mengapa kaum muslimin mundur dan kaum selainnya maju?). Kata beliau, umat terdahulu maju kerana adanya bantuan Allah dan umat Islam ketika itu adalah umat yang beriman serta memelihara syariat Allah. Firman Allah SWT dalam Surah ar Rum ayat 47:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ فَجَآءُوهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَٱنتَقَمْنَا مِنَ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ ۖ

وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ

**Maksudnya:** "*Dan demi sesungguhnya, kami telah mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) Rasul-rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya keterangan-keterangan yang jelas nyata; kemudian*

*kami menyeksa orang-orang yang berlaku salah (mengingkarinya);* ***dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab kami menolong orang-orang yang beriman****”.*

Mana mungkin bantuan akan diberikan oleh Allah SWT kepada mereka yang tidak pernah mempedulikan agama dalam urusan-urusan mereka. Malah merekalah yang berusaha sedaya mungkin supaya agama tidak mengongkong kehidupan mereka.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH**

Khatib mengajak sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama bermuhasabah di atas apa yang berlaku terhadap umat Islam di seluruh dunia dan di negara kita ini dengan penuh keinsafan. Sesungguhnya kita sendirilah yang mengubah nasib diri dan bangsa kita ke arah yang lebih baik berlandaskan kepada iman dan ilmu. Jika tidak, pasti kita akan berterusan ditipu dan terpedaya dengan pelbagai jenis kekeliruan yang berselirat pada hari ini.

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

**Pertama:** Golongan ekstremis merupakan satu kuasa yang mahu memecahbelahkan kita sebagai satu bangsa.

**Kedua:** Adalah penting bagi seluruh rakyat mendukung Wasatiyah dan memperjuangkan Maqasid Syariah untuk kekal sebagai negara Islam yang memilih jalan tengah, yang sederhana dan progresif.

**Ketiga:** Usah dibiarkan diri untuk mudah mempercayai kepada satu pihak atau pihak yang lain tanpa ilmu dan bukti yang saheh.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ قُلۡ يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ لَا تَغۡلُواْ فِي دِينِكُمۡ غَيۡرَ ٱلۡحَقِّ
وَلَا تَتَّبِعُوٓاْ أَهۡوَآءَ قَوۡمٖ قَدۡ ضَلُّواْ مِن قَبۡلُ وَأَضَلُّواْ كَثِيرٗا وَضَلُّواْ عَن سَوَآءِ
ٱلسَّبِيلِ

**Maksudnya** : *"Katakanlah: Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau-lampau dalam agama kamu secara yang tidak benar, dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul*." (Surah Al-Maidah:77)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَن لَّا إِلَـهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِّمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمَصَابِيحِ الْغُرَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَّرَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا:

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ؛ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الأَكْرَمِيْنَ وَالتَّابِعِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى والتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ والتَّمْكِينِ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنزِلِ الرَّحْمَةَ والسَّكِينَةَ وَالسَّلاَمَةَ والْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا كباوه دولي يڠ مها موليا سري ڤادوك بݢيندا يڠ دڤرتوان أݢوڠ كليما بلس

سلطان محمد كليما وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِيْنَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَّضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَّاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وطَاعَةِ مَنْ أَمَرْتَنَا بِطَاعَتِهِ.

***Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.***

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ . رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ . **عِبَادَ اللهِ،** إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآئِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . **فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.**